**GARIS PANDUAN PERMOHONAN PERMIT IKLAN (BARU/PEMBAHARUAN) PEMBERI PINJAM WANG**

| Bil | Dokumen yang diperlukan | Keterangan |
| --- | --- | --- |
| 1.0 | Surat Permohonan | ▪ Surat iringan (covering letter) mesti disertakan |
| 2.0 | Borang Permohonan Permit Iklan [ Jadual F ] | ▪ Borang permohonan hendaklah dipastikan diisi dengan lengkap dan ditandatangani dengan sempurna serta dicatatkan nama, no. k/p, bertarikh dan jawatan penandatangan, dan dicop/meteri am syarikat. |
| 3.0 | Sesalinan kad pengenalan yang telah diakui sah bagi setiap pemohon/ pemegang jawatan/ pekongsi/ lembaga pengarah | ▪ Sekiranya pemohon/ pemegang jawatan/ pekongsi/lembaga pengarah adalah merupakan warga negara asing, mereka dikehendaki mengemukakan salinan *passport* antarabangsa yang telah diakui sah.. |
| 4.0 | Sesalinan Lesen Pemberi Pinjam Wang semasa. | ▪ Pastikan salinan telah diakui sah dan tempoh sahlaku belum tamat. |
| 5.0 | Borang D, Kata Pendaftaran Perniagaan 1956 (Sijil Perakuan Pendaftaran Perniagaan) atau Borang 9, Akta Syarikat 1965 (Sijil Pendaftaran Syarikat) | ▪ Pastikan bahawa perniagaan yang dijalankan oleh pemohon sama dengan maklumat dalam borang permohonan lesen dan masih lagi sah tempoh kuatkuasanya. (rujuk tarikh tamat perniagaan pada Sijil Perakuan Pendaftaran Perniagaan – Borang D)<br>▪ Setiap salinan dokumen hendaklah disahkan. |
| 6.0 | Borang 24 Akta Syarikat 1965 dan *Form of Annual Return* terbaru (menjelaskan kedudukan modal berbayar syarikat) atau sesalinan sah penyata akaun bank bagi tempoh tiga (3) bulan terkini. | ▪ Setiap salinan dokumen hendaklah disahkan. |
| 7.0 | Borang 49, Akta Syarikat 1965 atau Borang A/B, Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 (Maklumat Perniagaan dan maklumat pemilik semasa) | ▪ Pastikan bahawa perniagaan yang dijalankan oleh pemohon sama dengan maklumat dalam borang permohonan.<br>▪ Setiap salinan dokumen hendaklah disahkan. |
| 8.0 | Tiga (3) salinan draf iklan bagi setiap jenis kategori dipohon. | ▪ Iklan mestilah mengandungi nombor lesen semasa, tempoh sahlaku lesen, nombor permit iklan, tempoh sahlaku lesen, nama dan alamat syarikat/ perniagaan, no. Telefon talian tetap tempat perniagaan, kadar faedah bagi pinjaman bercagar dan tanpa cagaran.<br>▪ Setiap iklan mestilah menggunakan Bahasa Melayu atau diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu.<br>▪ Sila nyatakan jenis iklan pada setiap draf iklan. |